

09 APR 2002

Malaysia-Peranan

MALAYSIA PERLU MAIN PERANAN ATASI MASALAH UMAT ISLAM SEJAGAT

JOHOR BAHRU, 9 April (Bernama) -- Malaysia perlu memainkan peranannya dengan mengemukakan pandangannya di peringkat dunia bagi membantu mengatasi masalah yang melanda umat Islam sejagat.

Fellow Kanan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Muhammad Uthman El-Muhammady berkata tanggungjawab itu perlu dipikul oleh negara ini memandangkan pendapat Malaysia telah mendapat perhatian dunia.

Ini termasuk pandangan mengenai isu globalisasi yang melanda umat Islam seperti yang disuarakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada persidangan antarabangsa.

"Kita (Malaysia) nampaknya telah diiktiraf oleh negara-negara Islam di seluruh dunia... kita telah menunjukkan kredibiliti kita kepada mereka," katanya ketika ditemui selepas membentangkan kertas kerja sempena Siri Wacana Tokoh dan Siri Dialog Korporat anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai tindakan yang perlu dimainkan oleh negara dalam usaha membantu menangani isu penindasan terhadap umat Islam yang dilaporkan berlaku di merata tempat di dunia kini.

Muhammad Uthman berkata adalah wajar bagi Perdana Menteri mengadakan pertemuan dengan Presiden Amerika Syarikat (AS), George W. Bush untuk menyatakan pendirian serta menyuarakan pandangan dalam membantu menyelesaikan isu berkaitan umat Islam termasuk masalah Afghanistan dan penindasan terhadap umat Islam.

Menurutnya, kelemahan umat Islam hari ini ialah kerana kurangnya fokus, kesepaduan dan kegigihan dalam usaha mencapai matlamat hidup seperti yang dijelaskan dalam al-Quran dan al-Sunnah.

"Kita lebih banyak terlibat dalam pergaduhan sesama sendiri daripada menentang musuh dari luar dan tidak mencapai kata sepakat," katanya.

Katanya, al-Quran dan al-Sunnah merupakan rujukan pokok yang terbaik dalam menyelesaikan segala masalah selain memberi panduan kepada seluruh umat Islam untuk menjalani kehidupan yang sempurna di dunia dan akhirat.

"Al-Quran jelas sebagai prinsip pegangan kita, memberi panduan operatif dalam menentukan hala tuju umat Islam sekarang," katanya.

-- BERNAMA

RAM NMO